



**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**SYARAT DAN SKOP KAJIAN SAINTIFIK DAN PENYELIDIKAN MENGGUNAKAN
GERAN PENYELIDIKAN ILMIAH AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)
TAHUN 2019**

**BAHAGIAN 1 – BIDANG / SKOP KAJIAN / PERATURAN PERMOHONAN DAN
KEWANGAN**

1.1 Tujuan

Penyelidikan ini bertujuan untuk melonjakkan penjaan teori, konsep dan idea baru yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru yang menerobos sempadan ilmu dan penciptaan inovatif.

Pembiayaan penyelidikan ini merupakan inisiatif AADK dalam meneruskan usaha untuk mempertingkatkan keupayaan kerajaan membanteras gejala dadah berlandaskan kepada Dasar Dadah Negara dan Dasar Keselamatan Dalam Negeri khususnya dalam membanteras penyalahgunaan dadah dan mempertingkatkan keberkesanan strategi *supply and demand* di Malaysia.

Geran ini juga bertujuan menggalakkan penglibatan penyelidik-penyelidik profesional meliputi pensyarah Universiti Awam/ Swasta dan pihak perunding.

1.2 Bidang Kajian Dan Penyelidikan

Bidang-bidang penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Ilmiah AADK adalah:-

- 1.2.1 Rawatan, Perubatan Dan Pemulihan;
- 1.2.2 Pendidikan Pencegahan;
- 1.2.3 Penguatkuasaan;
- 1.2.4 Dasar Dadah Negara;
- 1.2.5 Kerjasama Antarabangsa;
- 1.2.6 Undang - Undang Berkaitan Dadah dan Bahan;
- 1.2.7 Teknologi Maklumat Berkaitan Dadah dan Bahan;
- 1.2.8 Pengurusan Sumber Manusia Berkaitan Dadah dan Bahan;
- 1.2.9 Kompetensi Dan Kepakaran; dan
- 1.2.10 Lain-Lain Bidang Mengikut Keperluan.

1.3 Skop Kajian Dan Penyelidikan Tahun 2019

Skop kajian dan penyelidikan adalah tahun 2019 adalah (tetapi tidak tertakluk kepada) seperti berikut:-

- 1.3.1 Program Penjanaan Ekonomi Di AADK
- 1.3.2 *Viability* Dan *Sustainability* Projek-Projek Ekonomi Di Pusat-Pusat Pemulihan AADK
- 1.3.3 Kesesuaian Penempatan Pegawai-Pegawai AADK Di Setiap Kementerian/ Jabatan Sebagai Pegawai Pemantau Penyalahgunaan Dadah
- 1.3.4 Kesesuaian Mewujudkan Makmal Forensik Dadah Di AADK
- 1.3.5 Penggunaan *Drone* Dalam Melaksanakan Operasi Penguatkuasaan AADK (*Artificial Intelligence*)
- 1.3.6 Trend Dadah Sintetik Masa Hadapan Dan Persediaan AADK Dari Segi Kemahiran Dan Teknologi
- 1.3.7 Kebolehlaksanaan *Employee Assistance Program (EAP)* Oleh Majikan Di Malaysia
- 1.3.8 Peranan Media Sosial Dalam Menggerakkan Kesedaran Awam Mengatasi Isu Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Golongan Belia Di Malaysia
- 1.3.9 Mengukur Tahap Kesedaran Dan Kesiediaan Ibu Bapa Melakukan Pengesanan Awal Tingkah Laku Penyalahgunaan Dadah Terhadap Anak
- 1.3.10 Faktor Pendorong Orang Kena Pengawasan (OKP) Kekal Komplian
- 1.3.11 Keberkesanan Pelaksanaan Penguatkuasaan AADK Dalam Menangani Permasalahan Dadah
- 1.3.12 Keperluan Latihan Kemahiran Kepada Klien AADK VS Kehendak Pasaran Tenaga Kerja
- 1.3.13 Keberkesanan Program Rawatan Dan Pemulihan Dadah Berasaskan Pendekatan Psiko-Spiritual Sebagai *Best Practices* Di Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP)
- 1.3.14 Perbezaan Dan Persamaan Fungsi Pelbagai Agensi Yang Menjalankan Aktiviti Penguatkuasaan, Pemulihan Dan Pencegahan Dadah Di Malaysia
- 1.3.15 Keberkesanan Pendekatan Psikospiritual Islam (ISRA) Dalam Meningkatkan Motivasi, Kualiti Hidup Dan Kesejahteraan Mental

- 1.3.16 Profil Penagihan Dan Kecenderungan Mengekalkan Kepulihan
- 1.3.17 Pendekatan Rawatan Dan Pemulihan Berasaskan Keperluan Kepulihan Klien Dalam Komuniti: Perbandingan Antara Yang Mengikuti Program Di Cure and Care Service Centre, Pusat Intergrasi Klien dan AADK Daerah
- 1.3.18 Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) Dan Kos-Efektif Dalam Meningkatkan Keberkesanan Rawatan Dan Pemulihan Dadah Di Institusi Dan Komuniti
- 1.3.19 Kecenderungan Kekal Pulih: Perbandingan Antara Klien Sukarela Dan Klien Bukan Sukarela
- 1.3.20 Kajian Penilaian Keberkesanan Pusat Data AADK Dalam Menyediakan Perkhidmatan Yang Berterusan Dan *Reliable* Kepada Perkhidmatan Teras AADK
- 1.3.21 Analisis Big Data/ Pangkalan Data AADK (*Big Data Analytics*)
- 1.3.22 Analisis Dominasi Etnik Melayu Dalam Statistik Penyalah Guna Dan Penagih Dadah/ Bahan
- 1.3.23 Keberkesanan Program Rawatan Dan Pemulihan Di Institusi Dan Komuniti (*Tracer Study*)
- 1.3.24 Keberkesanan Program PINTAR Dan SHIELDS (*Tracer Study*)
- 1.3.25 Pelibatan Belia FELDA Dalam Penyalahgunaan Dadah Dan Bahan/ Pelencongan Sosial
- 1.3.26 Pelibatan Belia PPR/ Kampung Nelayan Dalam Penyalahgunaan Dadah Dan Bahan/ Pelencongan Sosial
- 1.3.27 *Training Need Analysis* (TNA) – Keperluan Kajian Bidang Latihan Yang Komprehensif Dan Relevan Untuk Pegawai Agensi
- 1.3.28 Ancaman *New Psychoactive Substances* (NPS) Di Malaysia
- 1.3.29 Penyalahgunaan *Amphetamine Type Stimulants* (ATS) Dan Kaedah Pencegahan Serta Rawatan Pemulihan Yang Berkesan
- 1.3.30 Profil Dadah Dan Bahan Yang Sering Disalahgunakan Di Malaysia
- 1.3.31 *Purity* Dadah Dan Bahan di Malaysia
- 1.3.32 Faktor Penempatan Pegawai Dan Kakitangan AADK Berdasarkan Lokality Mempengaruhi Tahap Integriti; Atau Hubung Kait Antara Faktor

Penempatan Pegawai Dan Kakitangan AADK Berdasarkan Lokality Mempengaruhi Tahap Integriti

1.3.33 Hubung Kait Status Keterhutangan Serius Dengan Tahap Integriti Pegawai Dan Kakitangan AADK

1.3.34 Komitmen Malaysia Dalam Aspek Kerjasama Antarabangsa Dalam Menangani Masalah Dadah

1.3.35 Peranan Malaysia Dalam Membanteras Pengedaran Dadah Di Peringkat Serantau

1.3.36 Pematuhan Malaysia Terhadap Standard Antarabangsa Dalam Rawatan Dan Pemulihan Dadah

1.3.37 Strategi Komunikasi Antidadah Yang Berkesan

1.3.38 Pembinaan Mesej Antidadah Secara *Formative*

*1.3.39*Keberkesanan Program *Community Empowerment*

*1.3.40*Pembinaan Modul *Developmental Approach* Dalam Pencegahan Dadah

1.3.41 *Decriminalization And Legalization*: Kesediaan Masyarakat Malaysia Menerima Perubahan

1.3.42 Stigma Terhadap Penagihan Dadah

1.3.43 Geographical Information System

1.3.44 Instrumentasi Mengukur Prevalens Penyalahgunaan Dan Penagihan Dadah Serta Bahan Di Malaysia

1.4 Tempoh penyelidikan

Tempoh penyelidikan adalah enam (6) hingga sepuluh (10) bulan.

1.5 Syarat-Syarat Permohonan

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik di Universiti Awam dan Universiti Swasta dan Pertubuhan Berdaftar dengan syarat-syarat berikut:-

- i. Ketua Program hendaklah warganegara Malaysia;
- ii. Ketua Program adalah kakitangan akademik tetap (Profesor atau Profesor Madya) dan mengetuai salah satu projek dalam program tersebut;

- iii. Bagi Ketua Projek yang bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia kakitangan akademik yang bertaraf tetap dari institusi yang sama;
- iv. Ketua Projek yang bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama kakitangan akademik bertaraf tetap dari institusi yang sama;
- v. Permohonan baharu bagi mereka yang telah diluluskan Geran AADK pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek pada kadar 75 peratus (75%);
- vi. Setiap program yang dipohon diharap dapat melahirkan Modal Insan dalam penyelidikan. Sehubungan dengan itu, sekurang-kurangnya seorang penyelidik hendaklah terdiri daripada pegawai AADK dalam kumpulan pengurusan dan profesional;
- vii. Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Program/Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan; dan
- viii. Ketua Projek yang berpindah universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.

1.6 Peraturan Permohonan

- i. Permohonan untuk Geran AADK perlu menggunakan Borang Geran Penyelidikan Ilmiah AADK yang terkini;
- ii. Permohonan untuk Geran AADK dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati syarat-syarat di atas;
- iii. Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperaku oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada pihak urus setia Geran AADK bersama-sama borang permohonan tersebut. Hanya permohonan yang disokong oleh RMC yang perlu dihantar ke AADK; dan
- iv. Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh Geran AADK dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

1.7 Kriteria Penilaian

- i. Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baharu; dan

- ii. Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
- iii. Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- iv. Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

1.8 Peraturan Kewangan

1.8.1 Vot 11000

Upah Dan Elaun Untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

- i. Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,300.00 untuk pelajar PhD dan RM1,800.00 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

1.8.2 Vot 21000

Perjalanan Dan Pengangkutan

- i. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.
- ii. Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah: - Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.
 - a. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan / seminar / bengkel / kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
 - b. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pindahan teknologi.
 - c. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.

- d. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.
- iii. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

1.8.3 Vot 24000

Sewaan

- i. Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

1.8.4 Vot 27000

Bekalan Dan Bahan Penyelidikan

- i. Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

1.8.5 Vot 28000

Baik Pulih Kecil Dan Ubahsuai

- i. Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.
- ii. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

1.8.6 Vot 29000

Perkhidmatan Ikhtisas

- i. Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

(Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

- ii. Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

1.9 Hasil Penyelidikan

1.9.1 Modal Insan

Setiap program mesti melahirkan seorang penyelidik dalam kalangan pegawai AADK.

1.9.2 Penerbitan

Setiap program mesti menghasilkan penerbitan dalam jurnal berindeks. Penghargaan kepada Geran AADK mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

1.9.3 Hak Harta Intelekt

Bagi projek yang dibiayai oleh Geran AADK, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelekt di dalam negeri dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelekt hasil Geran AADK menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT. Pengurusan Harta Intelekt adalah menjadi tanggungjawab IPT. Sekurang-kurangnya satu (1) IP bagi setiap Program.

1.9.4 Penghasilan Modul Program dan Instrumentasi Penyelidikan

Modul Program dan Instrumen Penyelidikan adalah menjadi hak milik AADK. Sebarang penggunaan di masa hadapan memerlukan kebenaran secara bertulis daripada Ketua Pengarah AADK.

1.10 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

1.10.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

Pihak AADK akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK melalui surat rasmi kepada universiti atau pemakluman melalui laman web rasmi AADK.

1.11 Penilaian Permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah

1.11.1 Permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam dasar dadah dan bahan, rawatan, perubatan dan pemulihan, pencegahan, kerjasama antarabangsa, penguatkuasaan undang-undang, teknologi maklumat dan pengurusan sumber manusia.

1.10.2 Jawatankuasa Penilaian seterusnya akan mengesyorkan cadangan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Geran Penyelidikan Ilmiah AADK untuk pertimbangan dan kelulusan. Jawatankuasa Induk ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah AADK.

1.10.3 Keutamaan akan diberi kepada penyelidik yang telah menunjukkan komitmen dan prestasi memberangsangkan dalam penyelidikan. Pemohon/ ketua projek dan ahli-ahli projek hendaklah mengemukakan keterangan kerjaya (C.V) masing-masing dan maklumat mengenai hasil penerbitan hendaklah dalam tempoh 5 tahun kebelakangan sahaja.

1.10.4 Pemohon, ketua projek atau ahli-ahli projek perlu mempunyai pengetahuan luas dalam bidang penyelidikan yang ingin dikaji. Pertukaran ketua projek mestilah mendapat kelulusan daripada AADK dan hendaklah daripada organisasi yang sama serta mempunyai kepakaran dan pengalaman untuk mengetuai projek.

BAHAGIAN 2: PEMANTAUAN

2.1 Implementasi Projek

2.1.1 Semua projek kajian yang diluluskan di bawah Geran Penyelidikan Ilmiah AADK perlu dipantau dari aspek:-

- i. Prestasi projek; dan
- ii. Prestasi kewangan

2.1.2 Pembentangan laporan projek dari segi prestasi kajian dan kewangan serta hasil penyelidikan adalah dipertanggungjawabkan kepada pihak

Panel Penilai Dalaman (dianggotai sekurang-kurangnya 3 orang ahli peringkat universiti dengan penaziran daripada AADK. Laporan pembentangan prestasi tahunan perlu dikemukakan oleh pihak RMC kepada pihak urus setia Geran AADK.

2.1.3 Projek yang diluluskan hendaklah dilaksanakan mengikut kelulusan yang telah diberikan. Penyelidik diminta membuat pembetulan (jika berkaitan) mengikut komen yang telah diberi oleh panel penilai. Proposal yang telah dibetulkan hendaklah dikemukakan semula kepada AADK dan dianggap muktamad.

2.1.4 Kegagalan Penyelidik melaksanakan projek mengikut kelulusan yang telah diberikan dan/ atau gagal membuat pembetulan apabila diminta berbuat demikian oleh Panel Penilai akan membolehkan kelulusan yang diberikan kepada Penyelidik dibatalkan pada bila-bila masa.

2.2 Pengawalan Projek

Penyelidik hendaklah menghantar laporan prestasi projek kepada Cawangan Penyelidikan, Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan AADK yang terdiri daripada:

2.2.1 **Laporan Awal (*Inception Report*)** dihantar **dua (2) minggu** selepas tarikh pembentangan laporan kepada Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK.

2.2.2 **Laporan Kemajuan (*Interim Report*)** dihantar **dua (2) minggu** selepas tarikh pembentangan laporan kepada Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK.

2.2.3 **Ringkasan Eksekutif (*Executive Summary*)** perlu dihantar dalam tempoh **dua (2) minggu** (berbentuk *hardcopy dan softcopy*) selepas projek disiapkan.

2.2.4 **Laporan Akhir/ Hasil Dapatan Kajian (*Final Report*)** perlu dihantar dalam tempoh **sebulan** selepas projek disiapkan. Laporan akhir penyelidikan (berbentuk *hardcopy dan softcopy*) perlu disiapkan dengan menggunakan format Geran AADK yang juga merangkumi:

- a) Ringkasan penyelidikan dan penemuan
- b) Laporan Kewangan
- c) Laporan Aset
- d) Hasil (disertakan bahan bukti)
 - i. Modal insan (nama individu dan peringkat pengajian)
 - ii. Penerbitan (dalam jurnal yang diiktiraf)
 - iii. Harta intelek
 - iv. Instrumen yang digunakan
 - v. Modul yang dihasilkan

- 2.2.5 **Artikel jurnal** (berbentuk *hardcopy dan softcopy*) berkaitan penyelidikan dihantar dalam tempoh **dua (2) bulan** selepas projek disiapkan.
- 2.2.6 **Poster** (berbentuk *hardcopy dan softcopy*) dihantar dalam tempoh **dua (2) bulan** selepas projek disiapkan.
- 2.2.7 Bagi Laporan Prestasi Projek Penyelidikan mengikut milestone, bulanan atau suku tahunan adalah terpulang kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada pihak AADK melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.
- 2.2.8 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada pengurusan penyelidikan setiap universiti.
- 2.2.9 Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan penyelidikan setiap universiti. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan universiti dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

2.3 Penalti

- 2.3.1 Setiap universiti perlu memastikan semua projek/program perlu mencapai prestasi kewangan yang memuaskan berdasarkan carta perbatuan (*milestone*).
- 2.3.2 Prestasi projek perlu mencapai modal insan dan penerbitan seperti dalam cadangan yang telah diluluskan.
- 2.3.3 Pihak RMC perlu mengenal pasti projek lewat jadual/bermasalah dan boleh memberi Ketua Projek tempoh 3 bulan untuk mencapai prestasi yang memuaskan.
- 2.3.4 Ketua Projek yang telah dikenalpasti bermasalah akan disenarai hitam bagi tempoh 2 tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan geran yang baharu (Untuk Geran AADK, penalti akan dikenakan terhadap Ketua Program dan semua Ketua Projek).

BAHAGIAN 3: KEPUTUSAN

3.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan

- 3.1.1 Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada Naib Canselor universiti dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan universiti.

3.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh AADK kepada universiti setelah surat kelulusan Geran AADK dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK.

3.1.3 Keputusan Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan Ilmiah AADK adalah muktamad.

BAHAGIAN 4: PERANAN

4.1 Peranan Ketua Program / Projek

Ketua Program/ Projek bertanggungjawab:

- i. Membuat permohonan;
- ii. Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan;
- iii. Menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam Garis Panduan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK; dan
- iv. Mengurus program penyelidikan dan penyelidik.

4.2 Peranan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

RMC bertanggungjawab:

- i. Menerima, menilai dan memperakui permohonan daripada penyelidik.
- ii. Menghantar permohonan yang diperakui kepada AADK.
- iii. Memantau prestasi kemajuan penyelidikan setiap 6 bulan serta menerima laporan akhir penyelidikan daripada penyelidik.
- iv. Menyerahkan laporan kemajuan dan laporan akhir kepada AADK.
- v. Mengurus aset daripada geran penyelidikan AADK.

BAHAGIAN 5: KERANGKA KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN

5.1 Kerangka kertas cadangan penyelidikan adalah seperti di Borang Permohonan Geran Penyelidikan Ilmiah AADK di **Lampiran B**

Disediakan Oleh:

BAHAGIAN DASAR, PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
17 DISEMBER 2018
Emel: research@adk.gov.my